

Transisi Sosial Sama-Bajau Terbandar

GUSNI SAAT

ABSTRAK

Artikel ini memperkatakan transisi sosial komuniti terbandar suku Sama-Bajau di Kota Kinabalu, Sabah, mengikut zaman dengan dikuasai jenis ragam pengeluaran. Asal usul peralihan sosial itu dikesan dan dikaji dalam konteks persekitaran fizikal dan pengaruh sosio-ekonomi yang lain. Artikel itu juga cuba mengkaji kesan transisi sosial itu ke atas status sosial komuniti itu dalam konteks sosial bandar.

Kata kunci: Sama Bajau, proses pembandaran, Pengiran, North Borneo Chartered Company.

ABSTRACT

This article traces the social transition of Sama-Bajau, a tribe belonging to maritime community in Sabah since the colonial days, within the context of its physical environment. They are believed to have settled in Kota Kinabalu and moved from Sungai Mangkabong to Megumbok, and subsequently to Soang Parai, Soang Dungon and Darau. Loyal to Pengiran, they inherited a rich oral tradition with many exciting legends. Prior to the British colonial days, their ancestors were free to work on agricultural land surrounding Lembah Manggatal. The change from feudal system to colonial-capitalism can be traced to have started with the transfer of kedaulatan Brunei Sultanate in Sabah to North Borneo Chartered Company in 30 March 1898. The collapse of the feudal system led to other social-economic changes, including urbanization. Since 1920s, the community had started to become wage-earners in towns, instead of working on the land as before. Sama-Bajau is also becoming more materialistic in their outlook now.

Key words: Sama Bajau, urbanization, Pengiran, North Borneo Chartered Company.


PENGENALAN

Sama-Bajau adalah suku bangsa Melayu yang tergolong dalam kumpulan masyarakat maritim di Asia Tenggara. Kumpulan ini terdapat di sekitar

kepulauan Laut Sulu, Borneo dan Laut Celebes (Nimmo 1968; Earl 1971). Pada era pra-kolonial, wilayah-wilayah itu sebahagian dari Alam Melayu, kerana terangkum di tengah-tengah beberapa buah empayar Melayu, termasuk Kesultanan Sulu, Kesultanan Brunei, Kerajaan Kalimantan dan Kerajaan Luwu di Sulawesi. Pendek kata, tempat-tempat itu pernah menjadi pusat kuasa di Alam Melayu sesudah kejatuhan Kesultanan Melaka pada sekitar abad ke-16. Dalam kawasan yang luas terbentang itu, kaum Sama-Bajau bebas bergerak, tanpa sekatan mana-mana kuasa. Persekutaran ekologinya yang kaya telah diberkati sumber laut yang kaya, seperti pelbagai spesis ikan, tripang dan mutiara, yang juga menjadi sumber ekonomi yang berharga buat komuniti-komuniti Sama-Bajau (Warren 1981). Persekutaran laut berbatu karang dan kaya dengan ratusan buah pulau daripada pelbagai saiz itu telah menjadikan kawasan tersebut wilayah yang sesuai buat kehidupan kaum Sama-Bajau.

Kini, kaum tersebut sudah mengalami banyak perubahan sosial, walaupun lebih bersifat mendatar dalam kebanyakan aspek. Perubahan tersebut sebahagiannya adalah produk globalisasi yang sudah bermula sejak era kapitalis-kolonial di Asia Tenggara. Daripada segi nasionalitinya, komuniti Sama-Bajau sudah terpecah kepada tiga di tiga buah negara yang lain-lain, iaitu Filipina, Malaysia dan Indonesia, menjelang abad yang ke-19, akibat kewilayahan tradisional mereka telah dipecahkan sedemikian oleh kuasa kolonial Inggeris di Malaysia, Spanyol (kemudiannya Amerika) di Filipina dan Belanda di Indonesia. Jumlah kaum Sama-Bajau di ketiga-tiga buah negara tersebut dianggarkan tidak kurang daripada 467,000 orang. Daripada jumlah itu, sebanyak 320,000 orang, atau 68.52 peratus sudah menjadi warganegara Filipina; 117,000 orang atau 25.05 peratus sudah menjadi warganegara Malaysia di Sabah, dan selebihnya 30,000 orang menjadi warganegara Indonesia. Walaupun kumpulan-kumpulan Sama-Bajau ini telah dipisahkan oleh sempadan politik negara yang berlainan, tetapi mereka masih berada di dalam satu lingkungan wilayah kebudayaan yang sama, yang membolehkan pergerakan sosial mereka terus berlangsung tanpa memperdulikan garisan-garisan sempadan politik. Sebagai kumpulan minoriti dalam masyarakat di Filipina dan di Indonesia, khususnya, kaum Sama-Bajau masih terikat kepada ragam ekonomi tradisional.

Di Malaysia, Sama-Bajau mendiami kawasan pesisiran di sepanjang pantai Barat dan pantai Timur Sabah (Rajah 1 dan 2). Mereka adalah kaum Bumiputra kedua terbesar bilangannya selepas suku Bumiputra Dusun-Kadazan. Nasib Sama-Bajau di Sabah adalah lebih baik kerana sewaktu pembentukan Malaysia, mereka memainkan peranan politik hingga mendapat tempat yang sewajarnya dalam masyarakat. Peranan politik itu sudah diasaskan sejak pemerintahan kolonial Inggeris lagi melalui institusi pentadbiran bumiputera (State of North Borneo 1935). Kini, mereka telah melalui tiga fasa perubahan: bermula daripada ragam hidup laut-pulau kepada ragam hidup tanah-pertanian dan seterusnya kepada ragam hidup bandar. Namun demikian,




RAJAH 1. Kedudukan penempatan komuniti Sama-Bajau Kampung Darau, Sabah

perubahan itu tidak terjadi secara sehala, lebih-lebih lagi secara total, kerana bukan semua Sama-Bajau di Sabah berjaya melepassi tahap yang pertama, iaitu nelayan tradisional. Mobiliti sosial mereka antara ketiga-tiga sektor tadi boleh jadi daripada laut-nelayan terus kepada bandar dan daripada tanah-pertanian terus kepada bandar. Oleh itu, sebahagian besar mereka masih bergantung hidup pada ekonomi nelayan tradisional. Artikel ini cuba mengesan transisi sosial sebuah komuniti Sama-Bajau bandar di Sabah. Dalam transisi sosial itu terlihat juga perubahan yang terjadi pada peringkat komuniti Sama-Bajau Kampung Darau di kawasan pembandaran Bandaraya Kota Kinabalu, ibu negeri Sabah.

TRANSISI SOSIAL

Pada tahun 1994, jumlah kaum Sama-Bajau Kampung Darau dianggarkan lebih kurang 1,200 orang; dan pada tahun 2000, angka itu sudah meningkat kepada 1,700 orang. Komuniti ini terletak di kilometer 12.7, Jalan Kota Kinabalu-Manggatal, kira-kira 10 km dari pusat bandaraya Kota Kinabalu (Rajah 2). Dari jalan utama masuk ke petempatan komuniti ini, jaraknya lebih kurang 600 meter dan jalannya berturap. Petempatan komuniti ini termasuk dalam kategori tanah negeri yang diisytiharkan sebagai kawasan petempatan Bumiputera, semenjak pemerintahan Syarikat Borneo Utara. Kawasannya yang seluas 18.2 ekar itu telah didaftarkan di Jabatan Tanah dan Ukur Jesselton pada 28 April 1927, dengan nombor geran FR 529, atas nama Residen Pantai Barat Sabah, selaku pemegang amanah. Sehingga kini, nombor geran tanah kampung ini telah dua kali bertukar: bermula dengan nombor asalnya FR 529 dengan keluasan 18.2 ekar kepada NT 5223 dengan keluasan 16.54 ekar, dan akhirnya kepada nombor geran NT 5926 (PPHT Kota Kinabalu).

Tanah ini (geran NT 5926) tidak pernah dijadikan kawasan perumahan oleh ahli-ahli komuniti ini. Ini disebabkan, menurut pemimpinnya, keadaan muka bumi yang berbukit adalah tidak sesuai dijadikan kawasan perkampungan. Sejak didaftarkan, tanah ini hanya dikerjakan sebagai kebun cempedak oleh beberapa orang daripada komuniti ini. Rumah mereka terus kekal di kawasan petempatan asalnya yang terletak bersebelahan kebun cempedak tadi. Menurut sumber Pejabat Tanah Kota Kinabalu, kawasan petempatan asal komuniti ini yang seluas lebih kurang 27 ekar itu belum diisytiharkan sebagai tanah perkampungan Bumiputera. Oleh kerana bilangan kaum ini telah bertambah dengan pesat sehingga kawasan perumahan yang ada itu sudah padat, maka mereka yang baru mendirikan rumah tangga telah mula menduduki satu lagi kawasan tanah kerajaan yang terletak bersebelahan dengan petempatan ini, iaitu paya bakau seluas 37 ekar. Menurut sumber Pejabat Tanah Kota Kinabalu, mereka sudah memohon kedua-dua tempat itu untuk dijadikan kawasan perkampungan dan permohonan ini sedang diproses.



RAJAH 2. Peta lokasi komuniti Sama-Bajau Kampung Darau dalam Daerah Kota Kinabalu

Permohonan itu berdasarkan peraturan *Land Ordinance Cap.68 (Section 78)*, yang memberi kuasa kepada Yang Dipertuan Negeri Sabah untuk mengisyiharkan mana-mana tanah negeri sebagai tanah simpanan Bumiputera atas kepentingan dan kebajikan kaum Bumiputera Sabah. Yang Dipertua Negeri juga diberi kuasa di bawah *Section 78 (2)* untuk membatalkan mana-mana tanah negeri yang telah diisyiharkannya sebagai tanah simpanan Bumiputera bila-bila masa difikirkan perlu.

PERKEMBANGAN SOSIAL

Perkembangan sosial komuniti ini dapat dibahagikan kepada dua menurut tahap mod pengeluaran: zaman pra-kapitalis dan zaman kapitalis. Mod pengeluaran zaman kapitalis boleh dibahagikan kepada dua jenis lagi, iaitu kapitalis-kolonial Inggeris yang berpusatkan negara-negara metropolis yang bermula daripada tahun 1900 hingga 1963, dan mod kapitalis pasca-merdeka yang bermula daripada tahun 1963 hingga kini. Berbeza dengan struktur sosial daerah Kota Kinabalu zaman feudal yang hanya dicorakkan oleh hubungan dua kelas sosial, iaitu kelas penguasa tanah dan kelas petani, komuniti ini berada di tengah-tengah kedua-dua mod pengeluaran itu: sebagai petani yang mengerjakan tanah, tetapi juga sebahagian daripada penguasa tanah. Status inilah yang telah membolehkan komuniti ini memiliki tanah yang amat berharga di kawasan Kota Kinabalu. Tanah itu sebenarnya telah mereka warisi daripada era pra-kolonial.

Salasilah keturunan komuniti ini, berdasarkan sejarah lisan, adalah seperti yang telah digambarkan dalam Lampiran 1. Selama ini, sumber sejarah lisan adalah rujukan utama dan juga satu-satunya sumber untuk ahli antropologi sosial dalam mengkaji komuniti yang tidak mempunyai tradisi membaca dan menulis. Walapun dalam kes-kes tertentu cerita itu mirip kepada legenda, tetapi ia juga mempunyai fakta sejarah. Maknanya sejarah lisan komuniti Sama-Bajau terbandar ini sama dengan sejarah lisan tentang asal-usul komuniti Sama-Bajau lain di Asia Tenggara. Unsur kesejagatan yang dimaksudkan itu ialah "orang Sama-Bajau berasal dari Johor". Menurut sejarah Brunei, Sultan Muhammad adalah sultan yang pertama yang memeluk Islam yang memerintah Brunei. Menurut sumber sejarah itu lagi, keturunan mereka adalah abang kepada Sultan Islam Brunei yang pertama itu. Ini bermakna asal-usul keturunan kaum Sama-Bajau Darat secara keseluruhannya juga didakwa oleh sejarah lisan Komuniti Sama-Bajau Kampung Darau mempunyai pertalian dengan asal-usul Kesultanan Islam di Brunei. Oleh kerana Sultan Brunei yang pertama itu didakwa berasal dari Johor, komuniti ini telah juga mengaitkan asal keturunan Orang Sama-Bajau Darat dari Johor. Menurut komuniti Sama-Bajau ini, pihak berkuasa Museum Brunei telah datang ke Kampung Darau pada November 1992 untuk menyelidiki dakwaan yang berkaitan dengan Sultan Brunei.

Selain itu, sejarah lisan komuniti Orang Sama-Bajau juga cuba menjelaskan siapa sebenarnya Orang Sama-Bajau Darat, khususnya yang menghuni kawasan Pantai Barat Sabah. Menurut sejarah lisan itu lagi, seorang daripada saudara kandung Sultan Brunei yang pertama itu telah menetap di Sungai Mangkabong, di Pantai Barat Sabah dan beliau telah berkahwin dengan wanita tempatan daripada suku Ida'an. Daripada perkahwinan itu, beliau mendapat ramai anak. Daripada keturunan inilah wujudnya suku kaum Sama-Bajau Darat, berbeza dengan Sama-Bajau Laut yang telah dikaji Sather (1978). Menurut sejarah lisan ini lagi, suku Sama-Bajau Darat adalah keturunan penduduk tempatan, iaitu Orang Ida'an dengan pendatang dari Johor.

Sejarah lisan itu juga telah menerangkan perkembangan Islam di Kota Kinabalu serba ringkas. Sebelum keturunan mereka datang, penduduk di kawasan Kota Kinabalu dikenali suku kaum Ida'an. Tetapi, keturunan mereka daripada orang Johor yang menyebarkan Islam di kawasan ini selain telah menarik sebilangan besar penduduk Bumiputera, khususnya yang mendiami kawasan pesisiran pantai untuk menganut Islam. Sejarah lisan itu menjelaskan selanjutnya bahawa setelah sekian lama terpisah daripada saudara mereka di Brunei, adik Sultan Brunei telah bertemu semula dengan abangnya di Brunei yang ketika itu sedang menjadi Sultan Brunei. Oleh kerana Brunei ketika itu berada di kemuncak kegemilangannya, kerajaan Brunei telah cuba meluaskan jajahan takluknya sehingga ke Sabah. Zaman kegemilangan yang dimaksudkan itu adalah abad ke-16, zaman kejatuhan Kesultanan Melaka yang tewas kepada Portugis (Mohammad 1992: 56-57). Atas dasar persaudaraan itu, Sultan Brunei mahu melantik keturunan awal daripada komuniti ini menjadi wakilnya di kawasan Kota Kinabalu. Namun, beliau lebih berminat untuk berdakwah dan menolak tawaran Sultan Brunei itu. Brunei terpaksa menghantar kerabatnya sebagai wakil kerajaannya di Kota Kinabalu dan diberi gelaran Pangeran.


Setelah bermulanya pemerintahan Pengeran di kawasan Kota Kinabalu, keturunan awal Sama-Bajau ini telah berpindah dari Sungai Mangkabong ke Megumbok, satu tempat di delta Sungai Inanam dan Sungai Darau (tapak Sabah Medical Centre sekarang) dan kemudiannya ke Soang Parai. Mangkabong ketika itu menjadi petempatan utama Orang Sama-Bajau di pantai barat Sabah, dan telah menjadi salah sebuah pusat pengeraan Brunei kemudiannya (St. John 1974). Dari Soang Parai, Badaruddin, iaitu keturunan kedua komuniti ini, telah memindahkan petempatan ke Soang Dungon dan akhirnya ke Darau. Darau, menurut sejarah lisan ini, berasal daripada perkataan Arab “daeul”, yang bermaksud negeri. Sehubungan itu, komuniti ini percaya datuk mereka ini memiliki ciri “wali”. Lantaran itu, segala doanya dapat dimakbulkan segera oleh Tuhan. Atas kepercayaan inilah, mereka yakin datuk mereka memiliki kuasa ghaib, seperti boleh berjalan di permukaan air. Selain itu, ciri wali inilah yang telah juga menyelamatkan mereka yang berketurunan dari Johor daripada bahaya setelah kapal mereka pecah di laut akibat ribut kencang. Ciri wali ini diwarisi pemimpin keturunan komuniti ini secara amalan

berdasarkan ajaran kitab pusaka yang mereka dakwa disimpan pemimpin mereka.

Sejarah lisan ini juga mengisahkan Orang Sama-Bajau Kampung Darau, adalah antara penduduk awal di kawasan Kota Kinabalu, daripada sebelum kekuasaan Brunei lagi (St. John 1974). Pada zaman pra-Brunei, penduduk di kawasan Kota Kinabalu, terutamanya Kaum Sama-Bajau dan kaum Ida'an (Dusun), mengamalkan politik kesukuan (Sabihah 1985) tanpa pemerintahan kuasa politik dan tanpa dominasi kuasa luar. Setelah bertapaknya kuasa Pengerahan Brunei di kawasan Kota Kinabalu, barulah lahir pemerintahan kuasa di tangan mereka yang menjadi pemilik ke atas kawasan ini. Namun demikian, kaum Sama-Bajau mempunyai kedudukan yang baik dalam stratifikasi sosial feudal itu. Salasilah keturunan yang ditunjukkan dalam Rajah 3 dan 4 itu menjadi bukti bahawa mereka adalah sebahagian daripada keturunan Pengerahan di kawasan Kota Kinabalu.

Sama-Bajau bandar pula adalah penduduk tempatan yang setia kepada Pengerahan. Ini ada kaitan dengan pola peralihan petempatan Sama-Bajau di Kota Kinabalu yang semakin terpusat di sekitar petempatan bandar feudal seperti di Sungai Mangkabong, Sungai Tuaran, Sungai Karambunai, Sungai Kabatuan (Manggatal), Sungai Inanam dan Sungai Putatan (Gusni Saat 1995). Perkahwinan antara keturunan Pengerahan dengan wanita Sama-Bajau telah melahirkan generasi Pengerahan yang mempunyai pertalian darah dengan suku kaum Sama-Bajau. Pangeran Abdul Rauf, misalnya, sudah dipandang ketua Bajau oleh pihak Inggeris (Gusni Saat 1995). Pada zaman pra-kolonial, mereka bebas mengerjakan tanah pertanian di sekitar Lembah Manggatal, terutamanya di Pulutan, tanpa cukai seperti yang dikenakan ke atas penduduk yang lain di kawasan ini. Ini ada kaitan dengan pemilikan tanah di kalangan mereka yang sebahagian besarnya terletak di kawasan Pulutan, iaitu sebuah kawasan suku kaum Dusun yang terletak bersebelahan dengan Pekan Manggatal.


Struktur sosial kawasan Kota Kinabalu mengalami perubahan sekali lagi setelah berlakunya perubahan asas ke atas struktur sosialnya menjelang akhir tahun 1898. Titik permulaan perubahan struktur sosial yang berasaskan sistem feudal kepada struktur sosial yang berasaskan sistem kolonial-kapitalis di bawah naungan kuasa kolonial Inggeris ialah peralihan kedaulatan kesultanan Brunei di Sabah dan di Kota Kinabalu khasnya, kepada North Borneo Chartered Company. Perubahan ini bermula secara rasminya sebaik sahaja Pangeran Brunei yang terakhir di Sabah, selaku pemilik Kota Kinabalu, iaitu Pangeran Mohd. Jalaluddin bin Pengerahan Abd. Rauf menyerahkan daerah Kota Kinabalu kepada North Borneo Chartered Company. Perjanjian tersebut telah ditandatangani Pangeran Mohd. Jalajuddin dengan Mr. Cowe (Pengarah Urusan) bagi pihak North Borneo Chartered Company pada 30 Mac 1898 (VBNB 1899). Pangeran Jalaluddin yang dituduh bersabuahat dengan Mat Salleh melakukan serangan ke atas pusat perniagaan Syarikat Borneo Utara di Pulau Gaya pada 9 Julai 1897 (Wookey 1956; Criswell 1971:158) hanya mempunyai satu pilihan



RAJAH 3. Salasilah keturunan Pengiran di Kota Kinabalu

Sumber: Krausse, Sylvia C. 1988: Fail Pribadi Pg. Sulaiman Pg. Jumat: Informan Pg Putera Pg. Muhammad

Pg. Temenggung Abdul Rauf*



Keterangan simbol:

△ Lelaki
○ Perempuan

_____] Perkahwinan
[_____] Keturunan

(1) - (7) Angka (1) hingga (7) adalah kronologi keturunan yakni keturunan pertama hingga ketujuh

RAJAH 4. Salasilah keturunan Sama-Bajau
Sumber: Krausse, Sylvia C. 1988: Kerja lapangan 1993.

daripada dua: sama ada menyerahkan Kota Kinabalu ataupun membayar ganti rugi kepada pihak Syarikat Kolonial (NBCA No. 1287: Pg. Siti Fatimah, lease of Karambunai).

Keruntuhan sistem feudal itu telah merombak status sosial komuniti ini yang menduduki stratifikasi sosial yang teratas dalam masyarakat Sabah ketika itu. Di bawah regim kolonial-kapitalis, status petempatan mereka juga telah berubah menjadi kawasan pinggiran. Ini disebabkan petempatan bandar-bandar kolonial, seperti Jesselton dan Inanam, telah mengambil alih fungsi petempatan bandar tradisional Asiatik (Gusni Saat 1995). Di bawah sistem kuasa kolonial Inggeris, semua kaum Bumiputera, termasuk komuniti ini adalah tertakluk kepada sistem sosial yang baru yang berasaskan kolonial-kapitalis. Oleh kerana kaum Bumiputera tidak lagi memiliki dan mengawal kuasa politik dan ekonomi, selain mereka asing kepada hukum sistem ekonomi yang baru, Bumiputera telah menjadi kelas bawahan yang amat daif. Dalam stratifikasi sosial Kota Kinabalu yang sedang berkembang, kaum Bumiputera, termasuk komuniti ini, telah menjadi komuniti pinggiran.

Semasa komuniti Sama-Bajau Kampung Darau dimasukkan ke dalam sistem sosial yang baru, warganya masih kekal dalam sektor tradisional. Sistem sosial yang baru ini, secara tidak langsung, telah memberi kesan ke atas persepsi mereka terhadap ekonomi. Yang dimaksudkan itu ialah menjelang awal tahun 1920-an, ahli-ahli komuniti ini tidak lagi bergantung hidup sepenuhnya kepada tanaman padi; tetapi telah mula bekerja makan gaji dengan syarikat perdagangan di Jesselton (Gusni Saat 1995) serta syarikat perladangan getah di kawasan Estet Bukit Padang dan Estet Labau (NBCA No. 1423: Rubber Cultivation in North Borneo 1917). Permintaan yang tinggi ke atas kayu api oleh penduduk Jesselton telah juga menggalakkan sebilangan ahli-ahli komuniti Sama-Bajau ini bekerja mengambil kayu api bakau yang banyak di sekitar petempatannya di Sungai Inanam, Sungai Manggatal, Sungai Darau dan Pulau Gaya, walaupun mereka terpaksa membayar cukai kayu dan cukai perahu kepada kerajaan. Ini mengakibatkan kerja di sawah padi hanya ditanggung wanita dan orang tua, dengan orang muda membantu dalam musim menuai dan membawa padi balik ke petempatan mereka.


Mod pengeluaran kolonial-kapitalis di Sabah telah juga mengakibatkan dua perubahan besar yang lain daripada segi struktur sosial. Pertama, kuasa ke atas kuasa pengeluaran utama, iaitu tanah, telah beralih kepada pemerintah kolonial. Kedua, di bawah sistem *private ownership*, tanah dan tenaga buruh telah menjadi komoditi yang boleh dijual-beli secara bebas. Perubahan pada struktur asas di bawah pemerintahan kuasa Syarikat Inggeris ini juga telah mengakibatkan perubahan pada aspek sosio-budaya dan ekonomi komuniti ini. Pada zaman feudal dahulu, komuniti ini bukan sahaja terlibat dalam membuat keputusan pemerintahan Pengeran, tetapi juga mempunyai keistimewaan, seperti bebas ‘mengusahakan’ tanah-tanah pertanian tanpa merujuk kepada Pengeran dan juga terkecuali daripada cukai. Dengan itu, petempatan yang

mereka duduki kini bertaraf autonomi pada zaman pra-kapitalis: bebas daripada sebarang peraturan Pengeran. Atas prinsip inilah mereka merasakan “kampung ini adalah milik keturunan yang mesti dipertahankan kewujudannya” sehingga kini. Tetapi, di bawah regim kolonial Inggeris, status petempatan komuniti ini hanya sebagai kawasan tanah simpanan negeri menurut *Akta Pentadbiran Bumiputera*. Sebaik sahaja kuasa Pengeran ke atas Kota Kinabalu berpindah kepada Syarikat Borneo Utara (Inggeris), terhapuslah milik komuniti ini ke atas tanah-tanah yang telah mereka warisi daripada zaman pra-kapitalis. Selain itu, tanah-tanah warisan dan milik keturunan komuniti ini juga telah tertakluk kepada undang-undang pentadbiran tanah pemerintah kolonial. Di bawah peraturan tanah yang baru, semua orang boleh memiliki tanah secara peribadi; tetapi hendaklah didaftarkan di Pejabat Tanah dan Ukur di Bandar Jesselton terlebih dahulu. Pendaftaran tanah milik peribadi di daerah ini bermula pada tahun 1910-an. Semasa ‘penafian’ tanah milik inilah komuniti Sama-Bajau telah kehilangan banyak tanah, terutamanya tanah yang berbukit bukau di sekitar Manggatal setelah diambil orang Cina. Tanah yang sempat mereka daftarkan di Pejabat Tanah hanyalah tanah sawah padi yang sedang dikerjakan. Di sebaliknya, tanah bukit yang tidak mereka usahakan itu terlepas ke tangan orang Cina yang mengusahakan tanaman getah.

Kini, petempatan Sama-Bajau ini sedang mengalami urbanisasi yang pesat dalam erti kata kawasan di sekitar petempatan komuniti ini telah berubah dari pertanian kepada kegiatan seperti dijadikan kawasan perumahan, kilang-kilang kecil, serta tapak perniagaan kecil (Rajah 5). Pada tahun 1988, sebatang jalanraya pintas telah menghubungkan Kota Kinabalu dengan pantai Timur Sabah. Dan, jalanraya ini telah mengakibatkan petempatan Sama-Bajau ini terbelah dua. Namun demikian, gangguan fizikal ini tidak menggugat solidariti warga Sama-Bajau. Lebih 400 keluarga yang rumah mereka terkena jalanraya tersebut telah membina rumah baru di kawasan yang sama. Pekan yang terhampir dengan petempatan ini ialah Inanam dan Manggatal. Masing-masing jaraknya satu dan dua batu dari petempatan ini. Petempatan bandar yang telah diwujudkan Inggeris sejak awal tahun 1900-an itu dikuasai orang Cina, kaum migran, lebih-lebih lagi pekan Manggatal yang telah dibangunkan seorang taukeh Cina yang bernama Kim Swee. Setelah mendapat kelulusan daripada pihak Inggeris, beliau telah mendirikan sederet kedai rumah di atas tanahnya. Lokasi pekan Manggatal ini bersempadan dengan tanah petempatan komuniti Orang Sama-Bajau Kampung Darau (NBCA No. 704). Bersebelahan dengan petempatan ini ialah kawasan industri Inanam, iaitu estet industri yang terbesar di Kota Kinabalu. Petempatan komuniti ini yang strategik dari segi pembangunan telah menyebabkannya terus terdedah kepada arus urbanisasi, terutama daripada segi gerak kuasa ekonomi, termasuk perkembangan perkilangan. Sekarang petempatan komuniti ini sudah dihimpit perluasan kawasan perkilangan milik taukeh Cina, baik tempatan ataupun asing, di atas tanah yang telah dibeli daripada ahli komuniti Sama-Bajau. Tanah-tanah itu ialah

Petunjuk:

- [Lot tanah warga komuniti penelitian] Lot tanah warga komuniti penelitian
- [Flat SK Likas] Flat SK Likas
- [Kawasan kilang] Kawasan bengkel kendaraan
- [Bangunan permagaan] Bangunan permagaan
- [Rumah] Rumah
- [Masjid] Masjid
- [Jalan raya] Jalan raya
- [Sungai] Sungai



RAJAH 5. Lokasi petempatan Sama-Bajau di Kampung Darau
Sumber: Gusni 1993.

seperti tanah Pak Sunah, tanah Hj. Pak Jafar, Tanah Pak Tiara, tanah Pak Pidin dan tanah Morin. Selain itu, tanah Pak Pidin, tanah waris yang dimiliki lima orang adik-beradik dan seluas 5 ekar, yang bersebelahan dengan kampung ini, sudah dijadikan tapak kilang papan milik pengusaha asing. Tanah ini telah dijual pada tahun 1988 dengan harga RM280,000 (keterangan informan), harga yang munasabah memandangkan harga tanah di kawasan sekitarnya juga tinggi. Dua keping tanah di sekitarnya seluas 3.21 ekar dan 3.39 ekar telah dijual secara lelong dengan harga RM376,164 dan RM260,000 (*Report & Valuation on NT 3050, District of Kota Kinabalu by C.H. William, Talhar & Wong (Sabah) Sdn. Bhd.*).

RUMUSAN

Transisi sosial komuniti Sama-Bajau Kampung Darau mencerminkan transisi komuniti kaum Bumiputera lainnya di Sabah. Daripada cerita asal-usulnya, Sama-Bajau adalah masyarakat maritim. Kini, komuniti Sama-Bajau ini menjadi semacam contoh bagaimana kebudayaan materialisme yang dihuraikan oleh Marx (Amin 1977) telah mempengaruhi perubahan sosialnya. Sehubungan itu, pengaruh dan kuasa ekonomi-politik juga penting dalam perubahan sosial itu. Namun, perubahan sosial di komuniti Sama-Bajau ini terhambat oleh aspek mentalnya yang belum menyokong sepenuhnya logik dan hukum kebudayaan urbanisasi. Lantaran itu, walaupun mereka kelihatan telah mengalami perubahan dengan pesat, tetapi perubahan tersebut lebih bersifat yang mendatar. Ini bermakna transisi sosial yang dilalui Sama-Bajau terbandar ini tidak mengakibatkan lompatan status sosial daripada strata yang rendah kepada yang lebih tinggi.

RUJUKAN

- Amin, S. 1977. *Imperialism and unequal development*. New York: Monthly Review Press.
- Criswell, C. N. 1971. Mat Salleh rebellion reconsideration. *Sarawak Museum Journal* 19 (38):155-165.
- Earl, G.W. 1971. *The eastern seas*. Singapore: Oxford University Press.
- Gusni Saat. 1995. Bumiputera dalam bentukan sosial era feudal Asiatic: Imbauan pengalaman di Kota Kinabalu. Dlm. *Karya darma II kemanusiaan dalam pembangunan*, disunting Mostafa Kamal Mokhtar, Noor Rahamah Abu Bakar, Ong Puay Liu, Suhaimai Salleh. Bangi: Penerbit UKM.
- Mohammad bin Abdul Rahman. 1992. *Islam di Brunei Darussalam*. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei.
- Nimmo, H.M. 1968. Reflections on Bajau. *Philippine Studies* 16 (1):32-59.
- North Borneo Central Archive (NBCA) No. 704. Townships started by Mr. Goh Kim Swee at Menggatal.*
- North Borneo Central Archive No. 1287: Pg. Siti Fatimah, lease of Karambunai.*

- North Borneo Central Archive No. 1423: *Rubber cultivation in North Borneo 1917*. Pejabat Pemungut Hasil Tanah (PPHT). Jabatan Tanah dan Ukur Kota Kinabalu, Sabah. Sabah State. *Land Ordinance (Sabah Cap. 68)*.
- Sabihah Osman. 1985. Perkembangan politik Sabah. Dlm. *Sabah: Perubahan dalam pembangunan*, disunting Hairi Abdullah, Abdul Samad Hadi dan Zulkiply Hj. Mustapha. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia: 71-134.
- Sather, C. 1978. The Bajau Laut. Dlm. *Essays on Borneo societies*, disunting King, Victor T. Kuala Lumpur: Oxford University Press: 172-192.
- St. John, S.B. 1974. *Life in the forests of the Far East*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- State of North Borneo. 1935. *Memorandum on indirect rule and the system of administration of the native of North Borneo*. Jesselton: Government Printing Office.
- The British North Borneo Company. 1899. *View of British North Borneo (VBNB)*.
- Warren, J.F. 1981. *The Sulu Zone 1768-1898*. Singapore: Singapore University Press.
- William, C.H. Talhar & Wong (Sabah) Sdn. Bhd. 1993. *Valuation Report*.
- Wookey, W.C.K. 1956. Mat Salleh Rebellion. *The Sarawak Museum Journal* 3 (8): 405-450.

Gusni bin Saat
Pensyarah, Unit Kajian Desa dan Bandar
Fakulti Sains Pembangunan
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi
Selangor Darul Ehsan
Malaysia
e-mail: sapangar@pkrisc.cc.ukm.my